

**Debat Kedua MCA-DAP Dalam Percaturan
Bernama
21 Februari , 2012**

KUALA LUMPUR, 21 Feb (Bernama) -- Selepas debat antara Presiden MCA Datuk Seri Dr Chua Soi Lek dan Setiausaha Agung DAP Lim Guan Eng, dua pemimpin negeri daripada kedua-dua parti di Negeri Sembilan dijangka berhadapan antara satu sama lain pada satu lagi acara debat umum.

Ketua MCA Negeri Sembilan MCA Dr Yeow Chai Thiam berkata beliau bersetuju menerima undangan debat umum daripada Pengerusi DAP Negeri Sembilan Anthony Loke, yang juga Anggota Dewan Undangan Negeri Lobak.

Bagaimanapun, kata Yeow tarikh, lokasi dan tajuk debat itu masih belum dimuktamadkan.

"Kami kini menunggu beliau (Loke) untuk menunaikan janjinya terlebih dahulu bagi kami memilih lokasi, masa, tempat dan pemudah cara. Persetujuan saya untuk berdebat adalah berasaskan kepada janji awal beliau untuk membenarkan kami memutuskan perkara ini," katanya ketika dihubungi.

Beliau berkata MCA Negeri Sembilan telah menghubungi Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (ASLI) mengenai kemungkinan mendapatkan khidmat mereka untuk menganjurkan debat ini kerana institut ini terlibat dalam penganjuran debat antara Dr Chua-Lim Sabtu lepas.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=647123>